

SEJARAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dato Paduka Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif
Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan

Pengenalan


Menurut sejarah, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang mempunyai Kerajaan yang besar, kaya dan kuat. Rakyat dan penduduknya hidup aman dan bersatu padu. Sebab itulah ia terkenal dengan nama ‘Darussalam’, yang bererti aman dan makmur. Tetapi oleh kerana sebahagian besar wilayahnya ditakluki oleh orang-orang Eropah suatu ketika dahulu, maka tinggallah Brunei seperti yang ada sekarang ini.

Pada awal penubuhannya, Brunei dinamakan negara Melayu Beraja. Setelah agama Islam masuk ke Brunei, Raja dan penduduknya memeluk agama Islam, ia pun dinamakan negara Melayu Islam Beraja. Nama Raja atau Sultan yang memerintah sekarang ini ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang ke-29.

Kedudukan dan Keluasan

Brunei terletak dalam Pulau Borneo. Di sebelah utaranya ialah Laut China Selatan. Manakala di sebelah timur lautnya ialah Negeri Sabah. Di sebelah selatannya ialah Kalimantan Selatan, Indonesia. Manakala di sebelah barat dayanya ialah Negeri Sarawak. Di antara tiga buah negeri itu, hanya Negeri Sarawak sahaja yang bersempadan dengan Brunei.


Keluasan Brunei ialah kira-kira 5,765 kilometer persegi. Pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah iaitu Sultan Brunei yang kelima memerintah Brunei dari TM 1485 hingga 1524, seluruh Pulau Borneo adalah di bawah kekuasaan Brunei. Sebab itu pulau besar ini dinamai Pulau Borneo yang berasal dari Pulau Berunai. Ibu negara Brunei sekarang ialah Bandar Seri Begawan.



Peta Pulau Borneo

Iklim

Brunei mempunyai iklim khatulistiwa iaitu sama dengan negara-negara yang berada di kawasan khatulistiwa. Cuacanya sentiasa lembab dan panas sepanjang tahun. Purata sukatan suhu hariannya ialah di antara 24.5°C (76°F) hingga 30.5°C (86°F).



Brunei dipengaruhi oleh angin monsun. Pada bulan November hingga April angin monsun bertiup dari Timur Laut ke arah Barat Daya. Dari bulan Mei hingga bulan Oktober pula angin monsun bertiup dari Barat Daya ke arah Timur Laut.


Angin monsun inilah yang membawa dan menurunkan hujan di Brunei. Jumlah hujan tahunan Brunei ialah di antara 228.6 cm dengan 355.6 cm setahun. Musim hujan lebat di Brunei adalah dari bulan September hingga bulan Januari, terutama di kawasan tanah tinggi Temburong. Brunei termasuk di dalam kawasan hutan hujan tropika.

Penduduk dan Agama

Ramai penduduk Brunei pada tahun 2005 ialah 332,884 orang, iaitu 222,101 orang Melayu, 37,056 orang Cina, dan 73,687 orang dari lain-lain bangsa.


Hampir semua penduduk Brunei beragama Islam; tetapi ada juga beragama Buddha, Kristian dan lain-lain agama. Penduduk di pedalaman ada juga yang masih mengamalkan fahaman animisme, iaitu kepercayaan datuk-nenek yang diwarisi sejak turun-temurun.

Penduduk jati Brunei atau rakyat jati Brunei terdiri daripada tujuh rumpun Puak Melayu iaitu Puak Belait, Puak Tutong, Puak Melayu Brunei, Puak Dusun, Puak Murut, Puak Kedayan dan Puak Bisaya. Taburan penduduk jati Brunei ini tinggal mengikut kawasan iaitu:



Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang terletak di pusat Bandar.


- Pertama : Puak Melayu Brunei, Puak Kedayan, dan Puak Bisaya kebanyakannya tinggal atau diam di kawasan Daerah Brunei dan Muara.
- Kedua : Puak Tutong dan Puak Dusun, kebanyakannya tinggal atau diam di kawasan Daerah Tutong.
- Ketiga : Puak Belait kebanyakannya tinggal atau diam di kawasan Daerah Belait.
- Keempat: Puak Murut kebanyakannya tinggal atau diam di kawasan Daerah Temburong.



Pembahagian Daerah

Brunei terbahagi kepada empat daerah, iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong. Tiap-tiap daerah itu diperintah atau ditadbir oleh seorang Pegawai Kanan Kerajaan, dinamakan Pegawai Daerah.

BELAJAR SEJARAH BRUNEI



Peta menunjukkan kedudukan keempat-empat daerah yang terdapat di Negara Brunei Darussalam

Perhubungan

Lazimnya perhubungan Brunei pada zaman dahulu kebanyakannya hanya menggunakan jalan laut dan sungai. Dalam pada itu ada juga yang menggunakan jalan darat, disebut jalan rintis.

Pada zaman sekarang perhubungan Brunei bukan sahaja menggunakan laut dan sungai, tetapi telah menggunakan jalan raya dan udara. Jalan raya dibina untuk menghubungkan pusat-pusat bandar dengan kawasan pedalaman bagi memudahkan rakyat dan penduduk Brunei bergerak ke sana sini.

Manakala perhubungan melalui udara pula digunakan untuk menghubungkan Brunei dengan negeri luar dengan pesawat udara. Brunei telah mempunyai pesawat udaranya sendiri yang dipanggil Penerbangan Udara Diraja Brunei atau *Royal Brunei Airline*.



Hasil

Hasil utama Brunei ialah minyak dan gas yang didapati di kawasan Seria dan luar pantai. Hasilnya yang lain-lain adalah seperti padi, kelapa, sayur-sayuran, buah-buahan, batu kelikir, batu bata, kerbau, lembu, balak, ikan dan barang-barang makanan ringan.

